

KENYATAAN AKHBAR

SESI PERSEKOLAHAN SARAWAK TAHUN 2012: MENJULANGI SARAWAK

Sesi persekolahan 2012 akan bermula pada **4 Januari** untuk negeri Sarawak. Seperti tahun-tahun sebelum ini, Jabatan Pelajaran Sarawak (JPS) telah membuat perancangan yang rapi dan bersedia untuk menghadapi sesi persekolahan 2012. Kesungguhan Jabatan ini dibuktikan dengan penubuhan pasukan 'Task Force' di peringkat Jabatan dan semua Pejabat Pelajaran Daerah bagi menangani isu-isu persekolahan dengan mengenal pasti, mencegah dan mengatasi isu-isu yang timbul sebelum sesi persekolahan baru dibuka berdasarkan maklumat daripada **ePerlu** dan Pemantauan Persediaan Sekolah Akhir Tahun (PPSAT). Konsep '**Touch Point**' (1 Meja, 1 Kerusi, dan 1 set Buku Teks) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga dilaksanakan bagi memastikan keperluan asas murid di sekolah disediakan pada hari pertama persekolahan tahun 2012.

Bagi memastikan kurikulum persekolahan kebangsaan setanding dengan dengan pendidikan global dan relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke-21, KPM akan terus melaksanakan **Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)**. KSSR telah dilaksanakan secara berperingkat mulai 2011 bermula dengan Tahun 1 di semua sekolah rendah di seluruh negara. Selain itu, semua prasekolah kerajaan dan tadika swasta telah menggunakan **Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)** bagi murid-murid prasekolah berumur lima dan enam tahun seluruh negara. Pada peringkat ini pula, tumpuan akan diberikan kepada perkembangan sosioemosi, kerohanian, fizikal, kognitif, sahsiah, persediaan ke sekolah rendah serta pendedahan awal mengenai kemahiran 4M.

Pelaksanaan program Gerakan Memperkasakan Sekolah (GeMS) yang bertujuan untuk menyediakan pendidikan berkualiti kepada semua murid juga diteruskan bagi melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan, khasnya di Sarawak. Program ini dimantapkan lagi dan kini GeMS dimaknai semula sebagai **Gerakan Menjulangi Sarawak** dengan memberi fokus kepada *capacity building*. Antara isian yang bakal disemarakkan adalah budaya Kasih Disemai Sayang Dibelai (KDSD), KDSD menjurus kepada pembinaan semula disiplin, sikap ambil peduli, empati, sentuhan melalui pemuafakatan, muzakarah, kerjasama semua warga pendidik Sarawak. Budaya X-PLUS turut dituntut untuk dihayati dalam kalangan kakitangan Pelajaran Sarawak. Ini termasuklah keupayaan dalam hal *multi tasking*.

KPM sentiasa prihatin terhadap ibu bapa yang kurang berkemampuan menanggung perbelanjaan persekolahan anak-anak. Oleh yang demikian, untuk meringankan bebanan mereka, KPM telah menyediakan program-program sokongan berbentuk bantuan-bantuan persekolahan, bantuan RM100.00 setiap murid sekolah rendah dan menengah sehingga Tingkatan 5 (*one-off*) serta baucer buku RM200.00 setiap murid Tingkatan 6 (*one-off*), sementara bayaran-bayaran keperluan persekolahan yang lain adalah tertakluk kepada ketetapan peruntukan Akta Pendidikan 1996, Peraturan-Peraturan Pendidikan, Surat Pekeliling Ikhtisas dan Surat Siaran KPM.

PENDIDIKAN PRASEKOLAH

Pada tahun 2012, sebanyak **1,375** buah kelas prasekolah telah diwujudkan di **1,074** buah sekolah rendah dan **2** buah sekolah menengah di seluruh negeri Sarawak. Jumlah ini mampu menyediakan tempat untuk seramai **34,375** orang kanak-kanak. Jumlah ini merupakan pertambahan sebanyak **45** kelas. Dari jumlah itu, **37** buah kelas prasekolah adalah di sekolah yang sudah sedia ada menawarkan pendidikan prasekolah dan **8** buah lagi di sekolah yang baru membuka kelas Prasekolah.

PENDIDIKAN RENDAH

1,264 buah sekolah rendah akan beroperasi pada **4 Januari 2012** iaitu **1039** buah Sekolah Kebangsaan, **221** buah Jenis Kebangsaan dan **4** buah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas. Enrolmen murid pendidikan rendah Tahun 1 hingga Tahun 6 di Sarawak bagi Tahun 2012 ialah **263,774** murid (termasuk **2,195** murid Pendidikan Khas di Program Pendidikan Khas Integrasi). Daripada jumlah ini, seramai **192,668** murid adalah murid Sekolah Kebangsaan dan **71,106** adalah murid di sekolah Jenis Kebangsaan (Cina). Dianggarkan **44,682** kanak-kanak akan memulakan alam persekolah formal dalam **Tahun 1** pada **4 Januari 2012**.

SK Long Bedian, Baram memulakan model khas Program K9 (Kohort 9) mulai sesi persekolahan 2012. Sekolah ini menyediakan pendidikan dari Tahun 1 hingga Tingkatan 3 dan mula mengambil murid Tingkatan 1 seramai 94 orang (3 kelas). Murid-murid Tingkatan 1 tersebut adalah daripada murid di SK Long Bedian, SK Long Pelutan, SK Long Luteng, SK Long Kevok dan SK Long Wat yang majoritinya adalah kaun Penan.

PENDIDIKAN MENEGAH

Sebanyak 184 buah sekolah menengah termasuk SMK Julau No.2 telah diluluskan oleh Agensi Pusat untuk beroperasi dalam tahun 2012. Daripada **184** buah sekolah menengah tersebut, **161** merupakan Sekolah Menengah Kebangsaan Harian Biasa (SMK Harian Biasa), **4** Sekolah Menengah Bestari, **2** sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), **7** buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), **6** buah Sekolah Menengah Teknik / Vokasional (SMT/SMV), **sebuah** kolej vokasional, **2** buah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan **sebuah** Sekolah Seni Kebangsaan.

Semua SBP, SMT, SMKA, Sekolah Seni Kebangsaan dan **103** buah SMK beroperasi satu sesi. Masih terdapat **62** buah SMK Harian Biasa dan sebuah SMK Harian Bestari beroperasi dua sesi.

Jumlah enrolmen murid bagi sekolah menengah kebangsaan biasa ialah **216,694** orang termasuk **997** murid kelas Pendidikan Khas. Seramai **3,984** murid akan memulakan persekolahan di Tingkatan Peralihan dan **43,146** di Tingkatan 1 [di mana **42,307** adalah di kelas biasa; **1,760** di Kelas Rancangan Khas; **105** di Kelas Aliran Agama; **30** di Kelas Pendidikan Asas Vokasional (PAV)]. Jumlah murid yang akan belajar di Tingkatan 4 adalah seramai **38,566** [**22,497** di kelas Sains Sosial; **14,315** di Kelas Sains & Teknologi; **1,592** di Kelas Mata Pelajaran Vokasional (MPV); **162** di Kelas Aliran Agama].

Di Tingkatan 5, jumlah keseluruhan murid ialah **34,270** orang iaitu **19,693 (57.0%)** merupakan murid aliran Kemanusiaan; **12,600 (37.0%)** murid Sains & Teknologi; **1,365 (4.0%)** murid di kelas MPV dan **54 (0.16%)** di Kelas Aliran Agama.

Tingkatan 6

Sebanyak **299** buah kelas Tingkatan 6 Bawah [**235** kelas jurusan Kemanusiaan & **64** kelas jurusan Sains] akan dibuka di **85** buah sekolah pusat Tingkatan 6 di sekolah menengah harian / bestari seluruh Sarawak yang akan menampung seramai **9,054** murid. Sementara bagi Tingkatan 6 Atas, terdapat seramai **6,599** orang murid iaitu **976 (14.8%)** murid jurusan Sains dan **5,623 (85.2%)** dalam jurusan Kemanusiaan.

Sekolah Menengah Agama, Sekolah Menengah Berasrama Penuh & Sekolah Seni

Selain itu, jumlah murid yang akan belajar di lapan buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama ialah seramai **1,012** orang, di dua buah Sekolah Menengah Berasrama Penuh seramai **738** orang dan di Sekolah Seni seramai **296** orang.

MAKLUMAT GURU

Dalam usaha untuk melaksanakan pelbagai program pendidikan, sejumlah **25,514** jawatan guru diperuntukkan di bawah kawalan Jabatan Pelajaran Sarawak untuk aktiviti rendah dan prasekolah (termasuk 493 guru Pendidikan Khas). Sebanyak **23,966** jawatan telah diisi oleh guru terlatih iaitu **19,204** di Sekolah Kebangsaan dan **4,762** di Sekolah Jenis Kebangsaan.

Di peringkat sekolah menengah harian dan bestari, negeri Sarawak telah diperuntukkan **14,180** jawatan guru (termasuk **196** guru Pendidikan Khas). Sebanyak **13,367** jawatan telah diisi dengan guru terlatih. Kekosongan jawatan guru akan diisi oleh guru ganti.

Latihan Guru

Peluang pendidikan sentiasa terbuka untuk guru-guru melanjutkan pelajaran. Guru-guru bukan siswazah boleh melanjutkan pengajian mereka di bawah pelbagai program pensiswazahan (Ijazah Sarjana Muda) melalui kursus secara Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) atau sambil di pelbagai Insituti Pengajian Tinggi Awam dan swasta khususnya melalui program kerjasama KPM dengan University Terbuka Malaysia (OUM).

Setakat ini, seramai **2,395** orang guru telah dipilih untuk mengikuti Program Sarjana Muda Pengajaran dan **780** guru telah tamat program tersebut. Seramai **246** orang guru pedalaman juga telah dipilih dan sedang mengikuti program yang sama. Selain itu, **362** orang guru juga telah dipilih untuk mengikuti Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah (PGSR) dalam mod kursus dalam cuti. Terdapat juga seramai **81** orang guru sedang mengikuti pengajian di Insitut Pengajian Tinggi Awam dengan pembiayaan sendiri.

Pada tahun 2011 Kementerian Pelajaran Malaysia memulakan pengambilan guru-guru bukan siswazah bagi mengikuti **Program Pensiswazahan Guru (PPG)**. Ini merupakan satu lagi

program kerajaan yang menjadi agenda negara di bawah RMK-10 bertujuan untuk mensiswazahkan guru-guru. Bagi negeri Sarawak pada tahun 2011 sebanyak **3,040** orang telah terpilih bagi mengikuti program selama 4 tahun ini. Dan pada tahun 2012 dianggarkan seramai **2,508** orang guru daripada Sarawak akan ditawarkan untuk mengikuti program ini.

Bagi memartabatkan profesionalisme Guru Besar seramai **230** orang Guru Besar telah terpilih untuk mengikuti Program Khas Pensiswazahan Guru Besar (**PKPGB**) dan seramai **112** orang Guru Besar telah tamat pengajian tersebut.

Pada tahun 2011 seramai **6** orang guru telah dipilih untuk mengikuti Program Kelayakan Professional untuk Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (**NPQEL**). **Dua** daripada peserta program ini pula telah terpilih untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana di bawah program **Sarjana Kepengetuaan**. Dijangkakan pada tahun 2011, 15 orang peserta akan ditawarkan untuk mengikuti program ini.

Bagi Kursus Kepimpinan Pengurusan Pendidikan (**KKPP**) anjuran Institut Aminuddin Baki seramai **312** orang Guru Besar telah mengikuti kursus tersebut sepanjang tahun 2011 dan dijangkakan pada tahun 2012 kursus ini akan diteruskan.

Bagi Program **Sarjana** pula, seramai **251** orang guru sedang mengikuti program ini secara PJJ dan sehingga pada tahun 2011 seramai 9 orang sedang belajar secara sepenuh masa dengan kemudahan **Cuti Belajar Bergaji Penuh**.

Manakala untuk Program **PhD**, seramai **36** orang sedang mengikuti program secara **PJJ** dan **2** orang secara sepenuh masa dengan kemudahan cuti belajar bergaji penuh.

PROGRAM-PROGRAM SOKONGAN PENDIDIKAN UTAMA

Skim Pinjaman Buku Teks

Semua murid warganegara Malaysia di semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan diberikan pinjaman buku teks di bawah Skim Pinjaman Buku Teks pada tahun 2012. Jumlah kos pembekalan buku teks untuk kegunaan tahun 2012 ialah RM13.5 juta.

Bantuan Makan Asrama Sekolah Asrama Harian

Peruntukan Bantuan Asrama Sekolah Asrama Harian pada tahun 2012 ialah sebanyak RM256,548,083.10. Bilangan tempat penghuni asrama yang diluluskan oleh KPM untuk sesi persekolahan 2012 ialah sebanyak 92,776 tempat dan akan diagihkan ke sekolah berasrama harian seluruh Sarawak. Bilangan sekolah dengan perkhidmatan bekalan makanan bermasak dalam tahun 2012 ialah sebanyak 96 buah sekolah (83 sekolah menengah dan 13 sekolah rendah) manakala sebanyak 503 buah sekolah dibekalkan dengan bantuan makanan mentah (25 sekolah) menengah dan 478 sekolah rendah)

Bantuan Makanan dan Kesihatan

Program Rancangan Makanan Tambahan, Program Susu 1 Malaysia dan Program Vitamin 1 Malaysia akan diteruskan untuk tahun 2012. Program tersebut bertujuan untuk memupuk amalan penjagaan kesihatan melalui pemakanan yang seimbang dan terancang.

Bantuan Biasiswa

Program Bantuan kewangan seperti Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP), Biasiswa Kecil Persediaan Universiti (BKPU) dan kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP) akan diteruskan dalam tahun 2012.

Disiplin dan Keselamatan

Untuk memantapkan pengurusan disiplin murid, Jabatan Pelajaran Sarawak akan menekankan program pembentukan karektor murid. Di samping itu, Surat Pekeliling ikhtisas tentang 'Standard Operating Procedure' (SOP) 1:3:7 berkaitan pengurusan aduan termasuk isu berkaitan salah laku murid telah diedarkan ke semua sekolah di Sarawak melalui Pejabat Pelajaran Daerah masing-masing. Dalam pada itu, jabatan ini amat menitikberatkan keselamatan murid-murid di sekolah. Surat pekeliling terkini iaitu SPI Bil. 8 Tahun 2011 berkaitan pengurusan keselamatan murid di sekolah telah dihantar ke semua sekolah untuk memastikan tatacara prosedur pengurusan serta langkah keselamatan sentiasa dipatuhi.

Program Sukan dan Kokurikulum

Kejohanan 24 jenis sukan (MSS Sarawak) bermula pada bulan Februari sehingga April 2012. Tujuannya adalah sebagai medan untuk memilih atlit yang akan mewakili MSS Sarawak ke kejohanan peringkat kebangsaan yang diadakan bermula pada bulan Mac hingga Jun.

Atlet-atlet yang berpotensi dalam beberapa jenis sukan seperti bola sepak, olahraga, sepak takraw dan bola jaring boleh memohon untuk mengikuti Program Khas Sukan di SMK Tabuan Jaya (Sekolah Sukan Negeri Sarawak) untuk tahun 2012. Terdapat seramai 150 orang pelajar yang telah dipilih untuk mengikuti program tersebut.

Sebanyak 38 aktiviti kokurikulum akan dilaksanakan di peringkat negeri pada tahun 2012 yang merangkumi aktiviti akademik, perkhemahan, kesenian dan kebudayaan.

Jabatan Pelajaran Sarawak akan menjadi tuan rumah untuk program peringkat kebangsaan. Antaranya Perkhemahan Tunas Kadet Remaja Sekolah Rendah, Karnival integrasi 1 Malaysia, Pertandingan Memasak Sekolah Menengah dan Bola Tampar MSSM.

DASAR PENDIDIKAN

Memartabatkan Bahasa Malaysia memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI)

Program MBMMBI diteruskan lagi dan melangkah masuk tahun ke-3 pada tahun ini. Seramai 2,632 orang guru telah dilatih dari segi peningkatan profesionalisme dalam P&P dalam bilik darjah. Selain peningkatan pedagogi dan profisiensi, antara aspek lain yang menjadi fokus kursus adalah strategi didik hibur serta pendekatan *Lesson Study*.

Kursus-kursus MBMMBI anjuran Kementerian/Jabatan Pelajaran dan Institut Pendidikan Guru dengan kerjasama DBP juga akan diteruskan. Warga pendidikan KPM dan guru-guru dari Institusi Swasta yang ingin menyertai kursus bolehlah berhubung dengan pegawai pelajaran daerah berdekatan untuk maklumat lanjut. Guru yang beropsyen BM dan BI perlu bersedia menghadiri kursus yang akan dilaksanakan.

Tahun yang lebih mencabar bagi program MBMMBI apabila mata pelajaran Sains dan Matematik akan diajar dalam pelbagai medium sama ada dalam BM sepenuhnya, BI sepenuhnya atau dwibahasa. Maksud dwibahasa adalah sama ada diajar dalam BM dan BI, BC dan BI atau BT dan BI. Kebanyakan sekolah menggunakan dwibahasa.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)

KSSR Tahun 1 telah dapat dilaksanakan dengan baik sepanjang tahun 2011 dan kohort ini akan terus melalui KSSR Tahun 2 pada tahun ini. Semua pihak telah mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan pelaksanaan KSSR tahun 2 dapat berjalan seperti yang dirancang. Jabatan Pelajaran Sarawak telah melatih seramai 13,059 guru. Ia melibatkan 499 Jurulatih Negeri. Jabatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua jurulatih ini. Jumlah yang sama tetapi jurulatih berlainan akan diguna untuk pendedahan KSSR Tahun 3 pada tahun 2012.

Sementara itu, tahun ini merupakan tahun rintis untuk KSSR Tahun 4. 23 mata pelajaran melibatkan 23 buah sekolahrendah di Sarawak telah menjadi sekolah rintis untuk KSSR Tahun 4 pada 2012.

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)

KSSM akan dilaksanakan di sekolah menengah seluruh negara pada tahun 2014. 22 mata pelajaran melibatkan 21 buah sekolah menjadi sekolah rintis pelaksanaan KSSM 2012. SMK St. Teresa Kuching menjadi sekolah rintis penuh untuk semua subjek bagi negeri Sarawak. Semua pengurus dan guru mata pelajaran di sekolah telah diberi pendedahan berkaitan kurikulum berkenaan di Tiara Beach Resort Port Dickson Negeri Sembilan pada 15-18 November 2011.

Program Literasi dan Numerasi (LINUS)

KPM berpendapat suatu pendekatan yang bersepadu perlu dilaksanakan supaya masalah literasi dan numerasi dapat dikesan dan dipulihkan seawal Tahap 1. Perkara ini perlu diberi perhatian yang serius kerana murid yang tidak menguasai asas 3M merupakan kumpulan yang berisiko keciciran dan berhadapan dengan kesukaran memenuhi keperluan melanjutkan pelajaran dan kerjaya.

Program LINUS ini wajib dilaksanakan di semua SK, SJKC SJKT dan SABK. Terdapat 3 peringkat saringan bagi setiap tahun, iaitu: Saringan 1 (Mac), Saringan 2 (Jun), Saringan 3 (September).

Semua murid Tahun 1 akan menduduki ujian LINUS Saringan 1 untuk menilai tahap penguasaan kemahiran asas mereka pada awal tahun setiap tahun. Program ini dikendalikan oleh guru BM, Matematik dan Pemulihan. Instrumen dibina dalam dwi bahasa iaitu BM-BI, BC-BI dan BT-BI.

MAKLUMAT MURID YANG AKAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN AWAM

Seramai **46,392** murid akan menduduki **Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)** pada tahun 2012. Dalam pada itu, **40,552** murid akan menduduki **Penilaian Menengah Rendah (PMR)** dan **36,250** murid akan menduduki **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)**. Manakala **6,599** murid akan menduduki peperiksaan **Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)**.

Pihak Jabatan berharap agar semua pihak sentiasa mempunyai sasaran untuk meningkatkan peratusan pencapaian mata pelajaran bagi mengatasi peratus pencapaian peringkat nasional. Untuk memastikan perkara ini boleh dicapai, usaha memantapkan kurikulum hendaklah dititikberatkan dan diberi perhatian serius oleh pemimpin sekolah.

PROJEK PEMBANGUNAN / PEMBINAAN SEKOLAH

Dalam tahun 2011, terdapat 4 projek pendidikan rendah, 5 projek pendidikan menengah, 11 program rumah guru, 19 program asrama dan sebuah projek pejabat pendidikan telah dilaksanakan. Projek-projek ini merupakan projek dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh Sambilan. Kos pelaksanaan projek ini menelan belanja sebanyak **RM454.1 juta** (RM454,138,471.00). Terdapat 2 projek pendidikan rendah, 1 projek pendidikan menengah, 3 program rumah guru dan 2 program asrama telah siap dibina dan boleh digunakan pada awal tahun 2012. Manakala lain-lain projek masih di peringkat akhir pembinaan, seperti pemasangan perabot, *landscaping*, penyambungan air dan penyambungan bekalan elektrik. Projek ini dijangka dapat disiapkan dan diserahkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia sebelum bulan Mei 2012.

Selain itu, terdapat 30 buah projek yang melibatkan menaik taraf padang sekolah, dewan sekolah, pejabat guru dan tandas sekolah yang menelan belanja sebanyak **RM25.4 juta** (RM25,448,916.33) sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah yang terpilih di seluruh Sarawak. Projek ini dijangka siap pada awal tahun 2012.

PORTAL RASMI JABATAN PELAJARAN SARAWAK

Untuk mendapatkan maklumat berkenaan Jabatan Pelajaran Sarawak, para murid, ibu bapa dan orang awam boleh melayari portal rasmi Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak di alamat <http://www.moe.gov.my/jpnsarawak>.

RUMUSAN

Jabatan Pelajaran Sarawak sentiasa komited dalam memastikan segala perancangan bagi sesi persekolahan 2012 dapat dilaksanakan dengan berkesan dan lancar. Martabat warga pendidik dalam masyarakat tidak akan tergugat selagi semua warga pendidik jelas dengan misi dan matlamat yang ingin dicapai serta tidak mudah putus asa. Justeru, adalah diharapkan semoga matlamat 'Kasih Disemai Sayang Dibelai' sebagai salah satu Program Gerakan Menjulangi Sarawak akan menjadi kenyataan.

Sekian

Pengarah

Jabatan Pelajaran Sarawak